

# Dr. Mahathir panggil sidang akhbar kes Mahaleel hari ini

Oleh **MARHAINI KAMARUDDIN**

**UM - 5 JUL 2005**

PUTRAJAYA 4 Julai — Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengadakan pertemuan dengan Pengerusi Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (Proton), Datuk Azlan Hashim bagi membincangkan kontroversi berhubung kedudukan Ketua Pegawai Eksekutif Proton Holdings Bhd., Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff.

Pertemuan selama sejam 15 minit itu berlangsung di pejabat bekas Perdana Menteri yang juga Penasihat Proton Holdings Bhd. itu di Yayasan Kepimpinan Perdana di Presint 7 di sini.

Azlan ketika ditemui pemberita selepas pertemuan itu bagaimanapun hanya membisu dan sekadar berkata: "Saya tidak fikir ia (hasil perbincangan) merupakan sesuatu yang patut dibincangkan dengan media."

Dr. Mahathir pula memberitahu beliau akan mengadakan sidang akhbar mengenai hasil perbincangan tersebut di pejabatnya di Menara Berkembar Petronas di Kuala Lumpur, esok.

Bercakap kepada pemberita sebelum pertemuan itu, Dr. Mahathir yang diminta mengulas isu membabitkan Tengku Mahaleel berkata: "Saya mahu berjumpa dengan Pengerusi Proton (Azlan) dan bertanya sendiri kepada beliau apa yang sebenarnya berlaku."

Beliau mengakui mengetahui sedikit-sebanyak isu itu melalui laporan akhbar, tetapi enggan mengulas lanjut kerana mahu mendapatkan pengesahan daripada Proton terlebih dulu.

"Saya tak mahu buat komen berasas-

kan laporan akhbar sebab kadang-kala ia tidak tepat," katanya ketika ditemui selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian usaha sama memajukan tanah Persatuan Bekas Pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid (SAHOCA) antara SAHOCA KL/Selangor dan Syarikat Rahman Brothers Perumahan Sdn. Bhd. di sini.

Perjanjian itu ialah bagi membina pangsapuri dan bangunan perdagangan lima tingkat yang dijangka siap pada 2007 seterusnya membolehkan SAHOCA memiliki bangunannya sendiri.

Spekulasi mengenai kemungkinan Tengku Mahaleel dipecat bertiup kencang minggu lalu ekoran kenyataan kerasnya mengenai dasar automotif negara yang didakwa beliau tidak membantu projek kereta nasional seperti Proton.

Tengku Mahaleel juga dipercayai diberi surat tunjuk sebab oleh Lembaga Pengarah Proton berikutan kenyataannya itu yang mengkritik dasar kerajaan.

Semasa diwawancara akhbar berbahasa Cina, Oriental Daily, beliau dilaporkan mempersoalkan langkah kerajaan memberi status kereta nasional kepada Naza, sekali gus menikmati rebat cukai yang sama dinikmati Proton.

Dr. Mahathir yang ditanya sama ada beliau membaca wawancara tersebut menjawab: "Saya tak baca (akhbar) Cina."